



SIARAN AKHBAR

PROGRAM “MASJIDKU MA’MUR, NEGARA BERKAT”

*Hari Ahad, 20 Muharam 1440H bersamaan 30 September 2018
Bandar Seri Begawan*

Masjid adalah ibarat Rumah Allah, dan sesungguhnya menghadirkan diri beribadah ke masjid serta mendirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan darjat berbanding sembahyang secara perseorangan.

Program “Masjidku Ma’mur, Negara Berkat” di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien pada hari ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan sokongan Jabatan Perdana Menteri, merupakan satu program mingguan dan ajakkan bagi mengalu-alukan jemaah meningkatkan kehadiran bagi memakmurkan masjid dan seterusnya bersama-sama secara istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di awal waktu di masjid.

Hadir dan menyertai bersama-sama para jemaah menunaikan solat fardhu subuh ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Roslan bin Haji Taja’ah: Setiausaha Tetap, Di Jabatan Perdana Menteri; Yang Mulia Pengiran Haji Kamaruldzaman bin Pengiran Haji Md Ishak, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Md Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Awang Haji Abd Halidi bin Haji Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Mulia Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.

Tazkirah pada subuh ini yang bertajuk ‘Nikmat Berbudi Pada Tanah’ yang disampaikan oleh Dr Haji Noralizam bin Haji Aliakbar, Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), antaranya menyentuh kepentingan untuk meneroka bidang pertanian, bukan sahaja memberi manfaat dari segi sebagai sumber pendapatan tetapi juga mendidik manusia untuk mendekati diri kepada Allah Subhana Wata’ala kerana bidang pertanian itu adalah sebahagian daripada ibadah.



Dengan adanya program seperti ini diharap akan dapat memakmurkan masjid yang merupakan rumah Allah dan seterusnya menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala untuk diri sendiri, keluarga dan negara.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 30 September 2018